

Hua Yang sasar lima terbaik

KUALA LUMPUR 24 Mei – Hua Yang Bhd. (Hua Yang) meletakkan sasaran antara lima hingga tujuh tahun lagi untuk berada di kalangan lima pemaju terbaik di negara ini.

Ketua Pegawai Operasi, Ho Wen Yan berkata, untuk mencapai sasaran itu, syarikat berkenaan perlu mencapai hasil sebanyak RM600 juta secara konsisten setiap tahun.

Menurut beliau, prestasi kewangannya bagi suku tahun keempat berakhir 31 Mac lalu semakin kukuh berikutan telah selesai menyiapkan projek bernilai lebih RM1.2 bilion.

Bagi tempoh tersebut, Hua Yang telah memperoleh hasil sebanyak RM27.213 juta manakala untung sebelum cukai sebanyak RM4.379 juta dan untung bersih pula ialah RM3.202 juta.

"Prestasi yang lebih baik ini disumbangkan oleh kenaikan beransur-ansur harga jualan Symphony Heights, kediaman di Selayang dan pengurangan kos pengendalian dalaman," katanya di sini hari ini.

"Ini menunjukkan keyakinan pasaran yang kian bertambah terutama kepada Hua Yang merupakan pemaju komuniti di Lembah Klang," katanya.

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2010, Hua Yang mencatatkan jualan enam peratus lebih tinggi dari segi bilangan unit - bertambah dari 649 unit ke 686 unit dan kenaikan 16 peratus dari segi nilai kepada RM119.70 juta ke RM139.29 juta berbanding tahun kewangan sebelumnya.



HO Wen Yan perlu memastikan Hua Yang mencatatkan hasil sebanyak RM600 juta setahun bagi mencapai sasaran syarikat berada di kalangan lima pemaju terbaik di Malaysia.